

**SMK SUNGAI MANIK, 36000 TELUK INTAN, PERAK**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1**

---

**SKEMA JAWAPAN  
BAHASA MELAYU KERTAS 1**

**1103/1**

---

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**  
**[30 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
Cemerlang	26 – 30	<input type="checkbox"/> Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.
	atas	<input type="checkbox"/> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat.
	(28 – 30)	Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b> .
	(26 – 27)	<input type="checkbox"/> Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)
	bawah	<input type="checkbox"/> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b>matang</b> .

<p><b>Kepujian</b></p>	<p>20 – 25</p> <p>atas</p> <p>(23 – 25)</p> <p>(20 – 22)</p> <p>bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li><input type="checkbox"/> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
<p><b>Memuaskan</b></p>	<p>15 – 19</p> <p>atas</p> <p>(17 – 19)</p> <p>(15 – 16)</p> <p>bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Karangan masih menepati tema bahan rangsangan.</li> <li><input type="checkbox"/> Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea masih relevandengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.</li> </ul>
<p><b>Kurang memuaskan</b></p>	<p>10 – 14</p> <p>atas</p> <p>(12 – 14)</p> <p>(10 – 11)</p> <p>Bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan.</li> <li><input type="checkbox"/> Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiananya kurang jelas.</li> </ul>
<p><b>Pencapaian Minimum</b></p>	<p>01 – 09</p> <p>atas</p> <p>(06 – 09)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li><input type="checkbox"/> Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

	(01 –05) bawah	
--	-------------------	--

## Bahagian A: Karangan Berpandukan Bahan Rangsangan

[30 markah]

### SOALAN BAHAGIAN A

*Huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan murid dalam akademik..*

**TUGASAN :** Calon dapat **menghuraikan** faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan murid dalam akademik..

### CADANGAN JAWAPAN

- Menghadiri Program Sekolah
- Mendapat Dorongan Keluarga
- Memiliki Sikap Positif

### CADANGAN UNGKAPAN MENARIK

- ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi
- bagaimana acuan begitulah kuihnya
- pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara
- jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
- yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang
- melentur buluh biarlah dari rebungunya
- di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**  
**[100 markah]**

**PERINCIAN PEMARKAHAN**

**Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak ½ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**.  
Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

- ( ) = Kesalahan isi  
 \_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan  
 / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)  
 // = Kesalahan ejaan yang berulang  
 ○ = Kesalahan tanda baca

KRITERIA	KRITERIA	DESKRIPSI
<b>1. BAHASA</b> (Mekanis)		<input type="checkbox"/> Kegramatisan – kata (morfologi) ,- ayat (sintaksis) <input type="checkbox"/> Tanda baca <input type="checkbox"/> Ejaan
<b>2. LARAS</b> (Dinamis)		<input type="checkbox"/> Pemilihan kosa kata
<b>3. IDEA (ISI)</b>		<input type="checkbox"/> Tema <input type="checkbox"/> Isi utama <input type="checkbox"/> Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) <input type="checkbox"/> Kerelevanan
<b>4. PENGOLAHAN</b>		<input type="checkbox"/> Wacana <input type="checkbox"/> Logik <input type="checkbox"/> Pemerenggan <input type="checkbox"/> Format

<b>5. GAYA BAHASA</b>	<input type="checkbox"/> Keindahan bahasa <input type="checkbox"/> Ungkapan <input type="checkbox"/> Peribahasa
-----------------------	---

### KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>	<b>80 – 100</b>  (90 – 100)  (80 – 89)	<input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat. <input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis. <input type="checkbox"/> <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul <input type="checkbox"/> Laras bahasa sesuai dengan tugas <input type="checkbox"/> Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat <input type="checkbox"/> <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai <input type="checkbox"/> <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. <input type="checkbox"/> <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. <input type="checkbox"/> Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b> <input type="checkbox"/> <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
<b>KEPUJIAN</b>	<b>66 – 79</b>	<input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat. <input type="checkbox"/> Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b>

	(73 – 79)  (66 – 72)	<input type="checkbox"/> <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul <input type="checkbox"/> <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas. <input type="checkbox"/> Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat <input type="checkbox"/> <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai. <input type="checkbox"/> <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai. <input type="checkbox"/> <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. <input type="checkbox"/> Penggunaan <b>unsur bahasa masih</b> bervariasi. <input type="checkbox"/> <b>Gaya bahasa masih</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
<b>BAIK</b>	<b>51 - 65</b>  (58 – 65)  (51 – 57)	<input type="checkbox"/> Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. <input type="checkbox"/> Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. <input type="checkbox"/> Ejaan dan tanda baca masih betul. <input type="checkbox"/> Laras bahasa sesuai mengikut tugas. <input type="checkbox"/> Penggunaan kosa kata umum. <input type="checkbox"/> Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. <input type="checkbox"/> Pengolahan masih menarik, dan pemerenggan masih sesuai. <input type="checkbox"/> Wacana masih lengkap <input type="checkbox"/> Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. <input type="checkbox"/> Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.
<b>MEMUASKAN</b>	<b>36 – 50</b>  (43 – 50)  (36 – 42)	<input type="checkbox"/> Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. <input type="checkbox"/> Ayat kurang gramatis. <input type="checkbox"/> Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. <input type="checkbox"/> Laras bahasa kurang sesuai. <input type="checkbox"/> Penggunaan kosa kata umum dan terhad. <input type="checkbox"/> Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan



		<p>contoh kurang sesuai.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacana masih / kurang lengkap</li> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.</li> <li><input type="checkbox"/> Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	<p><b>21 – 35</b></p> <p>(28 – 35)</p> <p>(21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Penggunaan kata kurang tepat.</li> <li><input type="checkbox"/> Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.</li> <li><input type="checkbox"/> Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Pengolahan tidak menarik.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li><input type="checkbox"/> Unsur bahasa tidak bervariasi.</li> <li><input type="checkbox"/> Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	<p><b>01 – 20</b></p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.</li> <li><input type="checkbox"/> Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li><input type="checkbox"/> Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Pengolahan tidak menarik.</li> <li><input type="checkbox"/> Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li><input type="checkbox"/> Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li><input type="checkbox"/> Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.</li> </ul>

## Bahagian B

### Soalan 1

Kesihatan amat penting dalam kehidupan kita. Oleh itu, kita perlulah menjaga kesihatan agar berada dalam keadaan yang baik.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara untuk menjaga kesihatan diri demi kesejahteraan hidup.

**TUGASAN** : Calon dapat memberi penjelasan berkaitan cara-cara untuk menjaga kesihatan diri demi kesejahteraan hidup

Format : Tiada

Cadangan isi :

Isi 1 : **Saya perlu sentiasa mengawal keseimbangan kesihatan mental dan fizikal** –fizikal yang cergas menjamin mental yang cerdas serta emosi yang stabil –perlu menjauhi aktiviti yang tidak sihat seperti berlepak, berjaga malam –membendung emosi daripada mengalami tekanan dan kemurungan –emosi yang tidak stabil boleh menjejaskan mental.

Isi 2: **Saya perlu teliti tentang cara pemakanan yang sihat** –pemakanan menjadi terminologi utama yang menentukan asas kesihatan –peka terhadap piramid makanan –pengambilan makanan yang berzat dan bukan mengambil makanan yang mengikut sedap –mengurangkan makanan bergula dan berlemak yang menjadi punca obesiti, keradangan jantung, komplikasi buah pinggang, kencing manis dan darah tinggi.

Isi 3: **Saya harus mementingkan riadah dan latihan jasmani secara teratur dan berjadual** –riadah sebagai asbab menjaga pertumbuhan fizikal yang sihat –menyusun jadual yang terancang untuk berehat, beriadah, bersosial dan tidur.

Isi 4: **Saya harus bijak bersosial dan berkawan** –bersosial boleh meluaskan kontak silaturahim, menjalinkan semangat setia kawan dan menstabilkan emosi –emosi yang stabil akan mempengaruhi minda yang waras serta mengawal tindakan yang bijaksana –perlu memilih kawan yang boleh menunjukkan jalan kebenaran kerana salah pilih terjadi kawan makan kawan

Isi 5: **Saya hendaklah mendekati Allah** –Allah Tuhan pencipta seluruh makhluk dan isi alam – Allah menguruskan jalan hidup manusia dan isi alam dengan sunnah-Nya –hendaklah patuh kepada ajaran agama seperti bersolat dan sebagainya –insan yang sentiasa patuh kepada ajaran Tuhan akan selamat sama ada di dunia mahupun di akhirat

Ungkapan menarik :

- Hadis Rasulullah yang menyatakan, “Jagalah masa sihatmu sebelum datang masa sakit
- di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
- nasi sudah menjadi bubur
- jika kita berkawan dengan penjual minyak wangi kita akan berbau wangi dan jika berkawan dengan tukang besi kita akan terasa bahangnya
- seseorang yang gagal merancang sebenarnya dia telah merancang untuk gagal

## Soalan 2 :

Dewasa ini, sikap saling menyayangi dalam kalangan masyarakat semakin terhakis ditelan arus pemodenan negara.

Huraikan peranan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk masyarakat yang penyayang.

**TUGASAN :** Calon dapat menyatakan peranan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk masyarakat yang penyayang

Format : Tiada

Cadangan isi :

1. Ibu bapa perlu memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak
2. Ibu bapa sewajarnya memberikan didikan agama yang sempurna kepada anak-anak semenjak kecil lagi
3. Ibu bapa seharusnya menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak.
4. Ibu bapa juga harus menjaga keharmonian rumah tangganya
5. Ibu bapa juga haruslah melibatkan anak-anak dalam aktiviti kemasyarakatan.

Ungkapan menarik :

1. bagaimana acuan, begitulah kuihnya
2. bapa borek, anak rintih
3. melentur buluh biarlah dari rebungnya
4. tak kenal maka tak cinta, sudah kenal baru jatuh cinta

5. anak-anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya
6. bagai menatang minyak yang penuh
7. kata pujangga, “Sesungguhnya bangsa akan kekal utuh selagi akhlaknya masih utuh. Jika akhlaknya sudah lumpuh, mereka pun akan lenyap.”

### Soalan 3 :

Anda akan menyertai pertandingan syarahan yang bertajuk ‘Usaha-usaha untuk Memajukan Destinasi Pelancongan Negara’.

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

**TUGASAN :** Calon dapat menghuraikan usaha-usaha untuk memajukan destinasi pelancongan negara.

Format : Syarahan

Cadangan isi :

1. Pihak kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baharu yang dapat menarik minat pengunjung mancanegara.
2. Pihak kerajaan wajar menganjurkan karnival pelancongan di seluruh pelosok dunia.
3. Media massa juga bertanggungjawab dalam menggiatkan kempen untuk mempromosikan sektor pelancongan negara ini.
4. Pihak berkuasa perlu menghapuskan atau mengurangkan cukai belian barangan di negara ini.
5. Langkah-langkah keselamatan juga perlu diambil oleh pihak polis bagi menjamin kepuasan dan kesejahteraan pelancong semasa berada di negara kita.

Ungkapan menarik :

1. berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
2. tak kenal maka tak cinta
3. duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
4. janganlah indah khabar dari rupa
5. kalau tidak dipecahkan ruyung, di mana akan mendapat sagunya.

### Soalan 4 :

Bencana alam sering berlaku di serata dunia. Mangsa bencana telah kehilangan harta benda dan ahli keluarga. Sebagai negara penyayang, negara kita sering menghulurkan bantuan untuk menolong negara yang dilanda bencana alam.

Huraikan faedah memberi sumbangan kepada negara-negara di dunia yang ditimpa bencana.

**TUGASAN** : Calon dapat menghurai faedah memberi sumbangan kepada negara-negara di dunia yang ditimpa bencana.

Format : Tiada

Cadangan isi :

**1. Dapat meringankan beban**

Kita tidak harus lokek dalam menghulurkan sumbangan - dengan bantuan yang diberikan mangsa dapat hidup sempurna seperti kita

**2. Membantu atas dasar kemanusiaan dapat memberi keinsafan**

Perlu bersyukur dengan segala keselesaan - telah terselamat daripada bencana alam ini - mencari mangsa-mangsa yang tertimbus atau hilang – pasukan sukarela atau badan-badan bukan kerajaan turut memberikan bantuan – pasukan yang terdiri daripada Pasukan Gerak Cepat dan Pasukan SMART di samping pasukan bomba sentiasa dihantar sebagai kumpulan awal untuk turut sama dalam kerja-kerja mencari dan menyelamatkan mangsa

**3. Memastikan lebih banyak nyawa mampu diselamatkan**

Pelbagai jenis penyakit akan merebak selepas bencana alam – bekalan air bersih akan terjejas – keadaan persekitaran akan kotor dan tercemar - doktor-doktor pakar dihantar untuk memberi rawatan terbaik kepada mangsa-mangsa bencana dan mendirikan pusat rawatan atau hospital sementara

**4. Dapat memberikan semangat baru untuk meneruskan kehidupan**

bimbingan dan kaunseling kepada mangsa bencana alam – mereka menjadi trauma-Sokongan yang dihulurkan, sedikit sebanyak dapat meringankan beban - dapat memberikan sinar kehidupan yang baharu kepada mereka selepas diuji dengan musibah yang tidak diduga itu.

**5. Membantu menggerakkan sektor ekonomi yang lumpuh semula**

Bantuan membina prasarana dan infrastruktur yang rosak semula – sekolah, hospital, klinik, jalan raya - Kerajaan menghantar pegawai-pegawai perancang ekonomi bersama-sama ahli perniagaan tempatan untuk menghidupkan semula aktiviti ekonomi yang sudah lumpuh di kawasan bencana itu - memastikan masa depan penduduk terbabit bertambah baik.

Ungkapan menarik :

1. enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
2. buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat
3. hendak seribu daya, tak nak seribu dalih
4. muafakat membawa berkat
5. berat mata memandang, berat lagi bahu memikul
6. cubit paha kiri, paha kanan sakit juga
7. ibarat hulurkan tangan, ringankan beban

**Soalan 5 :**

Pandai-pandailah kau terbang

Menongkah awan mulus dan kabus dingin

Jangan kau pulang

Dengan percikan duka dan balutan luka

Di sayapmu yang patah

Petikan sajak ‘Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kecil’ di atas menjelaskan bahawa penyajak mengharap agar anaknya mampu menempuh segala dugaan dan tidak pulang dengan kegagalan.

Jelaskan tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan untuk memenuhi harapan ibu bapa.

**TUGASAN** : Calon dapat menulis pendapat tentang tindakan-tindakan yang perlu dilakukan untuk memenuhi harapan ibu bapa

Format : Tiada

Cadangan isi :

1. Anak-anak perlu belajar bersungguh-sungguh
2. Seorang anak hendaklah mentaati segala perintah dan suruhan serta nasihat yang telah diberikan oleh ibu bapa
3. Anak-anak perlu menghulurkan bantuan kepada ibu bapa sekiranya telah dewasa dan berjaya.
4. Anak-anak mestilah menghormati dan menzahirkan penghargaan kepada ibu bapa.
5. Anak-anak hendaklah mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan ibu bapa di dunia dan akhirat.

Ungkapan menarik :

1. Menurut Henry Thoreau, manusia dilahirkan untuk meraih kejayaan, bukan mengalami kegagalan.
2. Yang muda disayangi yang tua dihormati
3. Menatang bagai minyak yang penuh
4. Menurut hadis riwayat Al-Tarmizi, keredhaan Allah terletak kepada keredhaan ibu bapa.
5. Seorang ibu dapat menjaga sepuluh orang anak tetapi sepuluh orang anak belum tentu dapat menjaga seorang ibu.
6. Buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**